


LEMBAGA PERINDUSTRIAN KAYU MALAYSIA
MALAYSIAN TIMBER INDUSTRY BOARD
(Kementerian Perusahaan Perladangan & Komoditi)
Level 13-17, Menara PGRM, No. 8, Jalan Pudu Ulu, Cheras,
P.O. Box 10887, 50728 Kuala Lumpur, Malaysia
Tel: 03-92822235 (12 LINES) Fax: 03-92861553 / 92851477
Email: info@mtib.gov.my H/page: www.mtib.gov.my



MS ISO 9001:2000 REG NO. AR 3307

(25) dlm LPKM 7/10/04 Jld. 13

SENARAI EDARAN SEPERTI DI LAMPIRAN

Y.Bhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan,



NOTIS PEMBERITAHUAN PEWARTAAN DAN KUATKUASA :

- i) PERINTAH DUTI KASTAM 2012
- ii) PERINTAH KASTAM (LARANGAN MENGENAI IMPORT DAN EKSPORT) 2012

Saya dengan hormatnya merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Dimaklumkan bahawa Perintah Duti Kastam 2012 telah diwartakan pada 30 Ogos 2012 dan dikuatkuasakan bermula 31 Oktober 2012. Dengan pewartaan dan kuatkuasanya Perintah Duti Kastam 2012 ini, senarai produk kayu dan keluaran kayu yang menggunakan kod-kod HS2007 telah dikolerasikan kepada kod-kod HS2012. Untuk mendapatkan bahan cetakan Perintah Duti Kastam 2012 dan senarai kolerasi kod-kod HS2007 kepada HS2012, YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan boleh merujuk dan muat-turun (*download*) dari laman web Jabatan Kastam Diraja Malaysia di alamat www.customs.gov.my.

3. Dimaklumkan bahawa Perintah Kastam (Larangan Mengenai Import dan Eksport) 2012 juga telah diwartakan pada 31 Disember 2012. Berikutan dari ini, sebanyak **dua puluh enam(26)** produk kayu dan keluaran kayu telah disenaraikan dalam Jadual Kedua Perintah tersebut yang mana produk-produk berkenaan hanya boleh dieksport dengan memperolehi lesen yang dikeluarkan oleh MTIB. Manakala Jadual Ketiga (Bahagian 1) Perintah tersebut telah menyenaraikan sebanyak **tiga (3)** produk kayu dan keluaran kayu yang hanya boleh diimport dengan memperolehi lesen import yang dikeluarkan oleh MTIB.

4. Untuk perhatian YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan sebanyak **tiga belas(13)** produk kayu dan keluaran kayu telah ditambah kepada senarai produk yang sedia ada yang memerlukan lesen eksport dan **satu (1)** produk kayu telah ditambah dalam senarai produk kayu dan keluaran kayu yang memerlukan lesen import. Senarai produk kayu dan keluaran kayu yang memerlukan lesen eksport dan lesen import dari MTIB adalah seperti di Lampiran.


5. Sehubungan ini, adalah dimaklumkan bahawa syarikat-syarikat yang beroperasi di Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan Labuan hendaklah mendapatkan lesen eksport dan import daripada MTIB. Ingin dimaklumkan juga bahawa syarikat-syarikat yang menjalankan aktiviti pengeksportan dan pengimportan **perlu berdaftar** dengan MTIB selaras dengan peruntukan **Seksyen 13, Akta 105 Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia** yang menyatakan bahawa:

"Tiada seorang pun boleh menjalankan apa-apa aktiviti sebagai pengeksport, pengimport, pembekal, pemeringkat, pemproses, pedagang, pengendali atau pengendali jeti melainkan jika dia telah didaftarkan mengikut Akta ini".

6. Selaras dengan keperluan Akta ini, syarikat-syarikat yang terlibat dengan aktiviti-aktiviti tersebut di atas diminta berdaftar dengan MTIB secepat mungkin bagi memudahkan dan membolehkan aktiviti tersebut berjalan dengan lancar dan mengikut peraturan yang telah ditetapkan. Untuk membuat pendaftaran dengan MTIB, syarikat boleh merujuk kepada Garis Panduan Pendaftaran MTIB yang dipaparkan di dalam laman web MTIB di alamat www.mtib.gov.my atau menghubungi Unit Pendaftaran, Ibu Pejabat MTIB di talian telefon 03-9282 2235 untuk keterangan lanjut.

Sekian, terima kasih.

Saya yang menurut perintah,



DR JALALUDDIN HARUN
Ketua Pengarah MTIB

Lampiran:

s.k.

- i. Ketua Setiausaha
Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi,
Aras 13, No. 15, Persiaran Perdana,
Presint 2, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62654 PUTRAJAYA.
- ii. Ketua Setiausaha
Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri,
Tingkat 15, Blok 10, Kompleks Pejabat Kerajaan,
Jalan Duta,
50622 KUALA LUMPUR

SENARAI PRODUK KAYU DAN KELUARAN KAYU YANG MEMERLUKAN LESEN EKSPORT
Perintah Kastam (Larangan Mengenai Eksport) 2012, Jadual Kedua, Butiran 6

Produk Kayu Dan Keluaran Kayu Yang Ditambah

No.	Jenis Barangan Kayu	Kod Kastam
1.	Bamboo	1401.10 000
2.	Rattan	1401.20
3.	Wood charcoal	4402.90 000
4.	Wooden frames	4414.00 000
5.	Cask, barrels, vats, tub and other coopers products of wood, including staves	4416.00 000
6.	Tool, broom and brush bodies and handles	4417.00 000
7.	Builders joinery and carpentry	4418
8.	Tableware and kitchenware of wood	4419.00 000
9.	Other articles of wood	4421
10.	Wood pulp	47.01, 47.02, 47.03, 47.04, 47.05, 47.06
11.	Seats of cane, osier, bamboo or similar materials, with wooden frames	9401.51 000, 9401.61 000 9401.69 000
12.	Wooden furniture	9403.30 000, 9403.40 000 9403.50 000, 9403.60 100 9403.60 200, 9403.60 900
13.	Prefabricated buildings of wood	9406.00 200

Produk Kayu Dan Keluaran Kayu Yang Sedia Ada

1.	Wood chips	4401.21 000, 4401.22 000
2.	Logs	4403
3.	Hoopwood	4404
4.	Wood wool ; Wood flour	4405.00
5.	Railways or tramway sleepers	4406
6.	Sawn timber	4407
7.	Veneer	4408
8.	Moulding	4409
9.	Particleboard	4410
10.	Fibreboard	4411
11.	Plywood, veneered panel and similar laminated wood	4412
12.	Densified wood	4413.00 000
13.	Articles of wooden furniture	4420.90.200

SENARAI PRODUK KAYU DAN KELUARAN KAYU YANG MEMERLUKAN LESEN IMPORT
Perintah Kastam (Larangan Mengenai Import) 2012, Jadual Ketiga Bahagian I, Butiran 38,39,41

Produk Kayu Dan Keluaran Kayu Yang Ditambah

No.	Jenis Barangan Kayu	Kod Kastam
1.	Plywood, veneered panel and similar laminated wood	4412

Produk Kayu Dan Keluaran Kayu Yang Sedia Ada

No.	Jenis Barangan Kayu	Kod Kastam
1.	Logs; wood in the rough, whether or not stripped of its bark or merely roughed down; wood roughly squared or half-squared but not further manufactured; and baulks	4403
2.	Poles and piles of Bakau (<i>Rhizophora spp</i>)	4403.99 515